



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA

Pencalonan

ANUGERAH SENI NEGARA

ANUGERAH SENI NEGARA

Ke-9 2024



13 NOVEMBER 2024 (RABU)
HOTEL MAJESTIC KUALA LUMPUR

Pencalonan
ANUGERAH SENI NEGARA
Ke-9 2024



ANUGERAH SENI NEGARA



Ke-9 2024



Cetakan 2024
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Bahagian Dasar Kebudayaan
Urus Setia Anugerah Seni Negara 2024
Aras 4, No.2 Menara 1,
Jalan P5/6, Presint 5, 62200 Putrajaya

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

Dicetak oleh:
Mihas Grafik Sdn. Bhd.
No. 9, Jalan SR 4/19
Taman Serdang Raya
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-967-19607-1-4

KANDUNGAN



<i>Secangkir Bicara</i>	5
<i>Seulas Kata</i>	6
<i>Pengenalan Anugerah Seni Negara Ke-9, 2024</i>	8
<i>Pencalonan Anugerah Seni Negara Ke-9, 2024</i>	15
- <i>Anugerah Seniman Negara</i>	18
- <i>Anugerah Karyawan Seni</i>	31
- <i>Anugerah Pendukung Seni</i>	44
- <i>Anugerah Khas Biduan Negara 2024</i>	57
<i>Penerima Anugerah Seni Negara Tahun Pertama Hingga Ke-8 (1993-2009)</i>	60
<i>Imbasan Anugerah Seni Negara Tahun Pertama Hingga Ke-9 (1993-2024)</i>	70
<i>Di Sebalik Tabir Bersama Calon-Calon ASN Ke-9, 2024</i>	72



ANUGERAH SENI NEGARA



Ke-9 2024



Secangkir Bicara

“

Seni adalah nadi yang menghidupkan jiwa bangsa, mencerminkan warisan dan identiti negara. Melalui Anugerah Seni Negara, sumbangan besar dan luar biasa para seniman yang telah mencorakkan landskap budaya negara dihargai dan dilestari.”

YB DATO' SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA



Seulas Kata



“

Dalam setiap karya seni, terdapat suara hati yang menggema dengan semangat dan kebijaksanaan. Anugerah ini adalah penghargaan kepada seniman kita yang telah menjadikan seni sebagai medium perubahan dan perpaduan.

”

YBHG. DATUK WIRA ROSLAN TAN SRI ABDUL RAHMAN
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

ANUGERAH SENI NEGARA



Ke-9 2024



Pengenalan
ANUGERAH SENI NEGARA
Ke-9 2024



ANUGERAH SENI NEGARA



Ke-9 2024



PENGENALAN

Anugerah Seni Negara (ASN) telah diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1993 sebagai satu pengiktirafan kepada penggiat, karyawan, seniman dan bakat tempatan yang menzahirkan ketokohan, sumbangan dan kewibawaan cemerlang dalam industri seni budaya dan warisan tanah air.

Pengiktirafan ini telah diperakukan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang memberi impak dan peranan besar kepada pembangunan industri seni di Malaysia. Anugerah tertinggi ini diberikan kepada penerima tunggal secara dwitahunan sejak 1993 sehingga 2009.

Selepas 15 tahun, ASN 2024 dilaksanakan semula sebagai satu langkah menzahirkan keprihatinan Kerajaan Malaysia khasnya Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya untuk mengiktiraf jasa, sumbangan dan ketokohan penggiat seni budaya yang memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat madani yakni masyarakat berbudaya nilai tinggi iaitu Bidang Seni Muzik, Seni Lakon (Pementasan), Seni Tari, Seni Kraf dan Seni Visual. Selain penerima tunggal bagi Anugerah Seniman Negara (1 penerima), terdapat tiga kategori tambahan pada tahun 2024 iaitu Anugerah Khas ASN: Biduan Negara (1 penerima), Anugerah Karyawan Seni (5 penerima) dan Anugerah Pendukung Seni (3 penerima) bagi media, korporat dan NGO.

Penganjuran ASN ke-9 ini bertambah istimewa apabila Jawatankuasa Induk ASN 2024 turut memberi pertimbangan bagi pemilihan Anugerah Khas Biduan Negara 2024 yang bertujuan menyokong penggiat seni yang cemerlang dalam bidang nyanyian bagi mengiktiraf jasa, sumbangan dan ketokohan dalam bidang nyanyian sebagai suatu kaedah pengucapan seni yang turut memainkan peranan dalam pembentukan masyarakat madani. Hal ini secara tidak langsung membantu memperkenalkan Malaysia di mata dunia melalui penonjolan bakat yang tinggi dalam bidang nyanyian secara berterusan dan bersifat malar segar.

Pemilihan tersebut dinilai berdasarkan ketokohan, jati diri, nilai-nilai murni, bebas kontroversi, genre nyanyian yang mengangkat seni budaya dan warisan, pencapaian luar biasa di dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa serta kredibiliti dalam bidang nyanyian yang menjadi idola kepada semua golongan.



BIDANG PENCALONAN

Bidang pencalonan anugerah dibahagikan kepada lima bidang utama seni budaya iaitu muzik, tari, lakon (pementasan), seni kraf dan seni visual berasaskan perincian berikut:

i Seni Muzik

Keutamaan pemilihan diberikan kepada penggiat yang telah bergiat aktif dan masih menunjukkan minat dari segi persembahan atau pertunjukan secara berterusan. Di samping itu, terus memberikan sumbangan dalam mencipta, menggubah dan memimpin kumpulan muzik sekali gus telah mencapai kecemerlangan serta menunjukkan kewibawaannya dalam bidang seni muzik.

ii Seni Tari

Keutamaan pemilihan diberikan kepada penggiat yang masih aktif dan cemerlang serta berwibawa dalam bidang seni tari. Penggiat mestilah menunjukkan kegigihan dan keunggulan dalam mencipta tari, menari, mengurus dan memimpin kumpulan tarian serta mengadakan persembahan secara berterusan.

iii Seni Lakon (Pementasan)

Keutamaan pemilihan diberikan kepada penggiat seperti pelakon, pengarah, penerbit dan penulis skrip yang berwibawa serta masih menunjukkan kegigihan, kesungguhan dan memberikan sumbangan dalam bidang seni teater.

iv Seni Kraf

Keutamaan pemilihan diberikan kepada penggiat, tokoh dan aktivis dalam bidang seni kraf yang mempunyai kepakaran sekurang-kurangnya 25 tahun pengalaman dan masih aktif pada tarikh pencalonan. Penggiat haruslah mempunyai bakat yang tinggi dalam bidang seni kraf secara berterusan dalam melahirkan karya-karya hebat yang memberi impak kepada industri seni kraf. Seterusnya, menunjukkan ketokohan dalam membimbing dan membentuk bakat baharu yang berjaya.

v Seni Visual

Keutamaan pemilihan diberikan kepada mereka yang terlibat dalam bidang seni dua dimensi, multi dimensi, kurator muda dan pelukis muda serta lain-lain bidang seni visual. Penggiat hendaklah menunjukkan kewibawaannya dengan kegigihan dan kesungguhan dalam mereka cipta serta menghasilkan kerja-kerja yang bermutu tinggi secara berterusan.

KRITERIA PENCALONAN DAN PEMILIHAN

Ahli Panel bagi Jawatankuasa Kecil Pencarian dan Pencalonan ASN 2024 dilantik oleh kerajaan melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan dipengerusikan oleh Ketua Jabatan / Agensi mengikut bidang seni yang ditetapkan.

Ahli Panel bagi Jawatankuasa Penilaian dan Pemilihan ASN 2024 dianggotai oleh Pengerusi Jawatankuasa Pencarian dan Pencalonan ASN 2024 mengikut bidang seni yang ditetapkan dan akan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, MOTAC, TKSU (Kebudayaan) MOTAC sebagai Timbalan Pengerusi dan individu yang difikirkan wajar oleh MOTAC.

Jawatankuasa Pencarian dan Pencalonan ASN 2024 menyaring dan menyenarai pendek senarai calon berdasarkan pencalonan awal oleh individu, Badan Bukan Kerajaan, agensi kerajaan peringkat persekutuan dan kerajaan negeri melalui borang pencalonan rasmi ASN 2024 yang dikeluarkan oleh MOTAC dan mengemukakan senarai cadangan penerima ASN 2024 kepada MOTAC untuk pemilihan di peringkat Jawatankuasa Penilaian dan Pemilihan ASN 2024.

Anugerah Seniman Negara

- i. Memperlihatkan kebitaraan ketokohan, kepimpinan dan intelektual cemerlang dalam meningkat dan mengembangkan mana-mana bidang seni yang dikuasainya;
- ii. Memperlihatkan kegigihan dan kesungguhan penglibatan serta memberi sumbangan yang berterusan dalam bidangnya; dan
- iii. Menunjukkan prestasi yang cemerlang dan menyerlah dalam mereka cipta serta menghasilkan karya-karya yang bermutu tinggi dan berwibawa.

Anugerah Karyawan Seni

- i. Memperlihatkan ketokohan, kepimpinan dan keintelektualan dalam meningkat dan mengembangkan mana-mana bidang seni yang dikuasainya;
- ii. Memperlihatkan kegigihan dan kesungguhan penglibatan serta memberi sumbangan berkesan; dan
- iii. Menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam penghasilan karya-karya seni.

Anugerah Pendukung Seni

- i. Memperlihatkan kerjasama dan iltizam yang tinggi dalam penghasilan karya yang bermutu;
- ii. Memperlihatkan kegigihan dan kesungguhan penglibatan serta memberi sumbangan dalam meningkat dan mengembangkan kebudayaan dan kesenian negara; dan
- iii. Menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam pembangunan dan perkembangan seni tanah air.

Anugerah Khas Biduan Negara

- i. Mempunyai kepakaran dalam bidang nyanyian sekurang-kurangnya 25 tahun pengalaman dan masih aktif pada tarikh pemilihan;
- ii. Menunjukkan bakat yang tinggi dalam bidang seni suara secara berterusan dan malar segar dalam membantu kerajaan mempromosikan Malaysia di peringkat antarabangsa dengan mengangkat lagu-lagu bertema seni, budaya dan warisan negara sehingga ke peringkat antarabangsa; dan
- iii. Membimbing dan membentuk bakat baharu yang berjaya melalui contoh dan peribadi budaya nilai tinggi.



KATEGORI DAN JUMLAH PENERIMA

Anugerah Seniman Negara (1 Penerima)

Anugerah Seniman Negara merupakan penganugerahan unggul dan tertinggi untuk seorang penerima yang terserlah dari segi ketokohan, keilmuan, sumbangan, dan penghasilan karya bermutu tinggi dari mana-mana bidang seni sama ada seni muzik, seni tari, seni lakon (pementasan), seni kraf dan seni visual.

Anugerah Karyawan Seni (5 Bidang, 5 Penerima)

Anugerah Karyawan Seni merupakan penganugerahan yang diberikan kepada lima penerima yang menunjukkan kecemerlangan dalam bidang masing-masing iaitu bidang seni muzik, seni tari, seni lakon (pementasan), seni kraf, dan seni visual.

Anugerah Pendukung Seni (3 Penerima)

Anugerah Pendukung Seni diberikan kepada individu, NGO, media massa, sektor awam, badan berkanun, dan swasta yang telah memberi sumbangan paling cemerlang dalam bentuk pemikiran, tenaga dan kewangan kepada aktiviti pembangunan kebudayaan dan kesenian negara.

Anugerah Khas Biduan Negara 2024 (1 Penerima)

Anugerah Biduan Negara merupakan anugerah khas yang diberikan kepada penggiat seni yang cemerlang dalam bidang nyanyian secara konsisten, mengangkat seni budaya dan warisan ke peringkat antarabangsa serta kredibiliti dalam bidang nyanyian yang menjadi idola kepada semua golongan.

MAJLIS PENGANUGERAHAN

Majlis penganugerahan disempurnakan oleh KDYMM SPB Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah pada 13 November 2024 bertempat di Hotel Majestic Kuala Lumpur.

i Anugerah Seniman Negara

- a) Watikah Penganugerahan;
- b) Wang tunai RM 60,000.00;
- c) Trofi Anugerah Seni Negara;
- d) Sepersalinan pakaian kebangsaan;
- e) Seniman tamu MOTAC;
- f) Insentif penghasilan karya;
- g) Penerbitan berkaitan tokoh; dan
- h) Kemudahan rawatan kelas pertama hospital kerajaan.

ii Anugerah Karyawan Seni

- a) Watikah Penganugerahan;
- b) Wang tunai RM 30,000.00;
- c) Trofi Anugerah Karyawan Seni;
- d) Seniman tamu MOTAC; dan
- e) Kemudahan rawatan kelas pertama hospital kerajaan.

iii Anugerah Pendukung Seni

- a) Watikah Penganugerahan;
- b) Wang tunai RM 10,000.00; dan
- c) Trofi Anugerah Pendukung Seni.

iv Anugerah Khas Biduan Negara 2024

- a) Watikah Penganugerahan;
- b) Wang Tunai RM30,000.00;
- c) Trofi Anugerah Khas Biduan Negara;
- d) Sepersalinan pakaian kebangsaan; dan
- e) Seniman tamu MOTAC.

Pencalonan
ANUGERAH SENI NEGARA
Ke-9 2024



ANUGERAH SENI NEGARA




Ke-9 2024



CALON-CALON ASN KE-9 2024



**DATO' MOHD NOR
KHALID (LAT)**




NORHAIZA NOORDIN



DATUK RAMLI IBRAHIM



**MD YATIM TALIB
(AHMAD YATIM)**



**DATO' JOHARI
MOHD SALLEH**




WONG HOY CHEONG



CHOONG KAM KOW



BANGIE ANAK EMBOL



IBRAHIM DERAMAN



WONG KIT YAW



**ZAHARAH ABDUL
HAMID**




ZAKARIA ARIFFIN



**DATUK HAJAH FAUZIAH
NAWI**



**DATUK MOKHZANI
ISMAIL**



CHE MAT JUSOH

Anugerah Seniman Negara



ANUGERAH SENI NEGARA



Ke-9 2024



Dato' Mohd Nor Khalid (Lat)

BIDANG SENI VISUAL



NAMA hebat yang dikenali sebagai “Lat”, beliau ialah Dato’ Mohd Nor bin Khalid yang mencipta nama dalam bidang seni lukis. Beliau seorang kartunis yang berjaya berdiri selama 60 tahun dalam dunia kartun sehingga kini. Dahulu digelar sebagai “Seniman Rakyat” dan kini bergelar “Seniman Diraja”. Dato Lat mendapat pelbagai pengiktirafan dan gelaran antaranya adalah Tokoh Warisan Orang Hidup, Ikon Budaya, Seniman Diraja Perak, Wira Budaya, Anak Malaysia, dan Seniman Rakyat. Jika menyebut nama “Lat” pasti khalayak muda akan mengingati beliau sebagai pencipta siri animasi terkenal iaitu “Kampung Boy” yang pernah ditayangkan di Astro dan dikenali sebagai animasi yang menghiburkan pada zaman kanak-kanak.



Kampung Boy (1979) turut menjadi karya agung beliau yang dikenali hingga ke peringkat antarabangsa dan menerima sambutan yang sangat menggalakkan. Siri kartun terbaik itu mencerminkan budaya bangsa dan kehidupan penduduk Malaysia. Kampung Boy berjaya diterbitkan di beberapa negara serata dunia, diulang cetak dan diadaptasi dalam bentuk animasi dan teater muzikal. Selain itu, Town Boy (1980), Kampung Boy - Yesterday and Today (1993), Novel Grafik Mat Som (1989), 20 jilid kartun (semenjak berusia 13 tahun), dan 20 antologi kartun editorial dalam New Straits Times telah dibukukan merupakan karya utama beliau.

Para peminat kartun di Malaysia pasti menjadikan Lat sebagai idola dan rujukan dalam bidang animasi dan visual. Lebih-lebih lagi dalam kalangan dewasa yang pasti mengenali kerja-kerja Lat semenjak tahun 1960-an sewaktu beliau melukis kartun untuk akhbar Berita Minggu dan New Straits Times.

Sumbangan besar dalam bidang seni lukis telah melayakkan beliau menerima pengiktirafan dan anugerah seperti Anugerah Kebudayaan Asia Fukuoka (2022), Anugerah Tokoh Penggiat Kartun Malaysia: Kartunis Sepanjang Zaman (2012), Anugerah Karyawan Seni Tampak (Seni Lukis) sempena Majlis Penganugerahan Seni Negara (2006), dan Doktor Kehormat Antropologi dan Sosiologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (2007).

Norhaiza Noordin

BIDANG SENI KRAF



NORHAIZA BIN NOORDIN lahir pada 20 Februari 1963 dan berasal dari Terengganu. Norhaiza merupakan pengukir atau seniman dalam seni kraf ukiran kayu yang berpengalaman selama 40 tahun. Beliau mempunyai semangat dan iltizam yang tinggi, berkemahiran, berpengetahuan luas dan berdisiplin dalam teknik ukiran kayu. Malah beliau berada di aras lain dengan identiti ukiran tersendiri setelah mewarisi ilmu daripada enam tokoh seni kraf kayu yang disegani dari negeri Kelantan dan Terengganu iaitu Allahyarham Wan Su Othman (Tokoh Seni Negara), Wan Mustafa Wan Su (Adiguru Kraf), Allahyarham Tengku Ibrahim, Allahyarham Encik Nik Rashiddin, Latif Long (Adiguru Kraf), dan Allahyarham Rahman Long.

Keunikan beliau dapat dilihat melalui lenggok dan gaya ukiran yang jelas mempunyai identiti tersendiri. Hasil karya beliau sering mendapat tempat di hati peminat ukiran daripada orang-orang kenamaan, pihak istana, jabatan dan agensi serta orang perseorangan untuk diabadikan di kediaman masing-masing dan bangunan. Tempahan yang diterimanya kini bukan hanya dari dalam negara malahan juga dari luar



negara kerana ketelitian dan kehalusan dalam setiap lenggok ukirannya telah meyakinkan pelanggan. Antara tempahan yang berjaya beliau hasilkan ialah panel ukiran kayu ayat Kursi Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya, ukiran kayu peti ibadat Sultan Brunei, hiasan ukiran kayu di Istana Hinggap Putrajaya, hiasan ukiran kayu di Dewan Pusat Pengajian Islam Universiti Oxford, 15 unit ukiran hulu keris untuk Exco Kerajaan Negeri Terengganu, dua bilah keris untuk Yang di-Pertuan Agong, dan cokmar untuk Universiti Malaysia Kelantan.

Penghasilan ukiran untuk hiasan dalaman Dewan Pusat Pengajian Islam di Universiti Oxford merupakan pengiktirafan yang paling membanggakan Encik Norhaiza sepanjang pembabitannya dalam seni ukiran ini. Hasil ukiran tersebut telah dilawati dan dilihat sendiri oleh Raja Charles III, United Kingdom. Seterusnya, sumbangan beliau kepada industri kraf dan masyarakat ialah tidak pernah jemu dalam mengembang serta memartabatkan industri kraf ukiran kayu yang diusahakan. Beliau juga berjaya mendidik empat orang adiknya dalam mengikuti jejak langkah untuk menceburi bidang ukiran kayu hasil tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan. Kraftangan Malaysia dan MTIB serta pelbagai Institut Pengajian Tinggi sering menghantar pelajar dan pelatih ke bengkel beliau untuk menjalani latihan kemahiran dan latihan industri.

Karya beliau turut diterbitkan dalam buku-buku dan dokumentasi berkaitan seni ukiran kayu Melayu dan hasil kerja beliau dijadikan rujukan penyelidik dan pencinta seni kraf tempatan. Koleksi artifak, lakaran kajian dan hasil karyanya adalah testimoni keunggulan ciri seorang seniman seni ukir kayu halus yang satu-satunya wujud di Malaysia kini. Antara anugerah yang diperolehi adalah Adiguru Kraf Ukiran Halus (2011), Warisan Kebangsaan Orang Hidup (WAKOH 2018) dan Tokoh Kraf Negara (2022).



Datuk Ramli Ibrahim

BIDANG SENI TARI



SEORANG koreografer tari klasik India yang berjaya di dunia dikenali sebagai Datuk Ramli Ibrahim. Beliau bersinar sebagai Penari Balet Klasik, Pengarah Artistik, Penerbit Sutra Dance Theatre, dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah (Sutra Foundation). Ketokohan beliau dalam bidang seni tari bermula sebagai Penari Sydney Dance Company pada tahun 1970-an. Seterusnya, beliau dijulung menjadi ikon dan adiguru dalam seni tari Bharatanatyam dan Odissi iaitu tarian klasik India sehingga kini sejak tahun 1980. Beliau menjadi pelopor dan berani menentang cabaran dengan mengembangkan kerjaya tarian serta memartabatkan tarian klasik India secara bersendirian sekali gus melonjakkannya ke pentas antarabangsa.



Datuk Ramli Ibrahim mengambil serius dalam bidang seni tari ketika mengikuti pengajian kejuruteraan di Universiti Australia Barat. Pada ketika itu, beliau bermula dengan mempelajari balet dan tarian moden sebelum fokus kepada tarian klasik India iaitu Bharatanatyam dan kemudian mengorak langkah dalam tarian Odissi di bawah bimbingan Deba Prasad Das di India.

Banyak sumbangan beliau dalam seni tari antaranya ialah tokoh usahawan dan ikon peneraju industri kreatif melalui Kumpulan Sutra Dance Theatre di bawah Sutra Foundation sejak 1983 hingga kini. Melalui Sutra Dance Theatre, beliau berjaya mengajar generasi penari dan koreografer sehingga menjadi juara seni yang lantang. Selain itu, beliau merupakan pembentuk generasi penari berbilang kaum melebihi empat dekad dengan mempromosikan kepelbagaian budaya, pementasan tari India dan karya tari kontemporari.

Pengiktirafan dan anugerah yang diterima oleh beliau ialah Anugerah Padma Shri iaitu anugerah penghargaan awam tertinggi untuk artis dan lain-lain oleh Kerajaan India pada tahun 2018 atas sumbangannya pada Bharadhanatyam dan Odissi selama lebih 40 tahun. Beliau juga penerima Anugerah Artis Fulbright (1999), Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat Angarag (2006), Anugerah Purush Lifetime Achievement Award daripada Nartak Festival (2009), Anugerah Penari Lelaki Terbaik Ram Gopal, Bangalore (2011), dan Anugerah Akademi Snageet Natak.

Md Yatim Talib (Ahmad Yatim)

BIDANG SENI LAKON (PEMENTASAN)



MD YATIM TALIB atau dikenali sebagai *Ahmad Yatim* telah menceburi bidang teater dan filem sebagai pelakon yang terkenal sejak akhir 1970-an hingga kini. Seorang pelakon yang sangat selektif dalam memilih dan menerima naskhah untuk dilakonkan kerana menjaga kualiti lakonannya. Beliau berkemahiran dan berkeupayaan tinggi dalam mengungkap watak bagi setiap naskhah bukan sahaja watak dalam naskhah tempatan, malah watak dalam naskhah luar negara terutamanya naskhah klasik Greek.

Kehebatan beliau dalam seni pentas dapat dibuktikan melalui senarai panjang teater-teater yang ditekuninya sebagai seorang pelakon dan pengarah yang memiliki kebolehan membentuk sebuah pementasan yang lebih daripada garis piawaian biasa iaitu dunia yang diolah gerak dan ekspresi manusia menepati



maksud pementasan. Kesenimanan beliau diiktiraf melalui sumbangan menjadi tenaga pengajar iaitu pensyarah dan adiguru di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) untuk mendidik dan membentuk generasi muda sesuai dengan kehendak industri seni negara.

Bakat dan pengalaman beliau dalam dunia lakonan sangat dihargai hingga kini dan peminat menanti kemunculan semula Ahmad Yatim dalam televisyen atau pentas teater. Lakonan Ahmad Yatim dalam memegang watak-watak yang dipilihnya selalu mendapat pujian dan sorakan hebat daripada penonton serta peminat-peminatnya. Berikut adalah beberapa karya yang dilakonkan menerusi filem, drama, telefilem dan teater iaitu *Abang* (1981), *Sumpah di Bumi Merkah* (1981), *Pemburu* (1982), *Anak Sarawak* (1989), *Perempuan Melayu Terakhir* (1999), *Metafizik* (1998), *Daerah Shafikah* (1999), dan *Cindai* (1988).

Bakat dan kehebatan beliau dalam seni pentas telah memberi pengiktirafan sepanjang zaman. Antara anugerah yang telah berjaya diterima ialah Ijazah Kehormat Sarjana Seni Kreatif (Seni Lakon) dari Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (2021), Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik menerusi Filem *Abang* di Festival Filem Malaysia ke-2, Pelakon Lelaki Terbaik menerusi Filem *Pemburu* di Festival Filem Malaysia ke-3, Pelakon Paling Menonjol di Layar Perak (Most Strong Presence Actor on Screen) di Festival Filem Asia Pasifik (1982), dan Anugerah Tokoh Sepanjang Zaman di Malam Anugerah Teater Malaysia (2023).

Dato' Johari Mohd Salleh

BIDANG SENI MUZIK



NAMA beliau tidak asing dalam dunia muzik malah dikenali serata dunia dengan kehebatan beliau yang merupakan seorang maestro muzik pada era 70-an hingga 80-an. Johari Salleh telah berdiri selama 60 tahun sebagai Pemuzik, Penggubah Lagu, Pengarah Muzik, Pendidik dan Ilmuan Muzik yang profesional dan bermutu. Kemahiran dan kebijaksanaannya telah menjadikannya pelopor kepada Orkestra di Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Awalnya, penglibatan beliau dalam dunia muzik bermula dengan belajar muzik dan menggubah lagu daripada ayahnya dan seorang guru muzik bernama Saaban Saliman. Kemudian, beliau melanjutkan pelajaran dan mendapat Diploma in Music dari Berklee College of Music, Boston, USA. Kerjaya muzik beliau



lebih tertumpu di Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) bermula sebagai Pemuzik Tetap Radio Malaya (1961). Selepas itu, pada tahun 1976 beliau berjaya dilantik menjadi Pengarah Muzik RTM dan banyak berkarya dalam bentuk muzik simfoni.

Karya muzik simfoni yang dicipta beliau telah digunakan oleh orkestra-orkestra besar serata dunia seperti dari Sepanyol, Orkestra Simfoni Kebangsaan Malaysia dan Kuala Lumpur Symphony Orchestra. Karya ini menjadi sumbangan penting dalam bidang seni muzik yang berkembang sehingga dipersembahkan oleh The New York Symphonic Ensemble, Singapore Symphony Orchestra, St. Pettersburg Philharmonic Orchestra dari Russia, dan Cadaquez Symphony Orchestra.

Hasil karya yang banyak memberi sumbangan kepada dunia muzik, melayakkan beliau menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Kesenian) di sesi kelima Majlis Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ke-38 (2010). Segala sumbangan dan jasa beliau dalam seni muzik telah diabadikan dalam buku berjudul "Memoir Johari Salleh-Tegar Meladeni Industri Muzik" yang diterbitkan oleh UKM.

Calon-calon

ANUGERAH SENI NEGARA



Ke-9 2024



**DATO' MOHD NOR
KHALID (LAT)**



NORHAIZA NOORDIN



DATUK RAMLI IBRAHIM



**MD YATIM TALIB
(AHMAD YATIM)**



**DATO' JOHARI
MOHD SALLEH**

Anugerah Karyawan Seni



ANUGERAH SENI NEGARA



Ke-9 2024



Wong Hoy Cheong

KARYAWAN SENI VISUAL



ANAK jati George Town ini dilahirkan pada tahun 1960 dan mula aktif sebagai artis visual dan kurator sejak tahun 1982. Pemilik nama Wong Hoy Cheong merupakan pendidik dan pekerja sosial yang memegang falsafah pedagogi Paola Freire yang bercakap soal saranan kepentingan pendidikan saksama kepada golongan yang ditindas. Karya beliau yang dikenali ialah Migrants Series, seni video Sook Ching, seni aksi Lalang merakamkan sejarah sosial migrasi Cina tempatan, koleksi naratif, dan memori generasi tua tentang penjajahan Jepun.

Wong Hoy Cheong dipilih mewakili Malaysia dalam pelbagai pameran antarabangsa seperti Biennale dan Triennale. Beliau turut memberi sumbangan dalam membangunkan model Belanjawan Penyertaan 4 fasa pada tahun 2012 untuk dua projek perumahan sosial di Seberang Perai dan Pulau Pinang. Model tersebut berjaya digunakan untuk pelbagai komuniti dan negeri lain.

Kehebatan beliau dapat dibuktikan apabila dinamakan sebagai salah seorang daripada sepuluh Pemimpin Seni dan Budaya. Pengiktirafan lain yang diterima ialah Universiti Cornell menamakan biasiswa dengan namanya untuk jasanya sebagai pendidik (1993), Fellowship Residenasi Pusat Rockefeller Foundation Bellagio (2011), Deutsche Bank menamakan satu tingkat di ibu pejabat Frankfurt dengan nama beliau, dan dianugerahkan Visiting Senior Research Fellowship di Asia Institute, NUS, Singapura (2008).



Choong Kam Kow

KARYAWAN SENI VISUAL



CHOONG KAM KOW mempunyai lebih dari 1000 karya yang mempunyai unsur tempatan dan ciri-ciri kebudayaan warisan tempatan sejak tahun 1950. Beliau berjaya mengadakan 22 pameran solo termasuk 2 retrospektif di muzium dan galeri bukan sahaja di dalam negara malah serata dunia seperti di Fukuoka Asian Art Museum (Japan), Guangdong Museum of Art (China), Taipei Fine Arts Museum, National Taiwan Museum of Fine Arts, dan the Frederikshavn Museum of Art (Denmark).

Karya beliau berjaya ditempatkan sebagai koleksi tetap di muzium, institusi kebudayaan dan korporat di Rantau Asia dan Eropah iaitu di Balai Seni Negara (Malaysia), Metropolitan Museum of Art, NYC (USA), Fukuoka Asian Art Museum (Japan), Singapore Art Museum, National Taiwan Museum of Fine Arts, Taipei Fine Arts Museum (Taiwan), Frederikshavn Museum of Art (Denmark), Guangdong Museum of Art (China), Kyushu Sangyo University Art Museum, Fukuoka (Japan), dan Art Museum of Guangzhou Academy of Fine Arts in University City, Guangzhou (China).

Beliau juga merupakan pengerusi bagi Federation of Asian Artist-Malaysia Committee (FAAMC) dari tahun 1988 hingga kini. Antara pengiktirafan dan anugerah yang beliau perolehi adalah *The Most Outstanding Alumni* di National Taiwan Normal University, Taiwan (2001), *Honorary Degree of Doctor of Arts* di Robert Gordon University, Scotland (2006), *The lifetime Achievement Award* di The Chinese Cultural and Art Consultative Council, Malaysia (2017), dan *The Outstanding Global Alumni Award* di Ministry of Education, Taiwan (2018).

Bangie Anak Embol

KARYAWAN SENI KRAF TANGAN



BANGIE ANAK EMBOL seorang adiguru Kraf Tenunan Pua yang mahir dalam memartabatkan seni kemahiran masyarakat Iban. Beliau mempunyai pengalaman dalam bidang ini selama 68 tahun. Kekuatan beliau terkenal dengan kaedah tradisional dalam memproses pewarnaan asli benang bagi menghasilkan corak dan warna yang tahan luntur dan menarik. Beliau juga pakar dalam menghasilkan reka corak tradisional dan menterjemahkan ilham yang diterima melalui mimpi.

Kepakaran dalam menghasilkan warna melayakkan beliau dipilih sebagai pewaris upacara “Ngor” yang mengetuai proses pewarnaan asli benang secara tradisional dan ritual amalan bagi kaum Iban. Selain itu, banyak terlibat dalam pelbagai dokumentasi seni kraf berkaitan tenunan Pua dan pelbagai pameran serta promosi kraf di dalam dan luar negara sebagai pakar rujuk dan tenaga pengajar seni tenunan Pua.

Pencapaian yang diterima oleh beliau adalah Johan Pertandingan Penggunaan Warna Asli dalam Tenun Ikat (Pua) anjuran UNESCO di Bangkok (1998), Pelantikan sebagai Adiguru Kraf Tenunan Pua, Kraftangan Malaysia (2000), Anugerah Karyawan Kraf (2017), Anugerah Sarawak Hornbill Tourism Awards: Outstanding Cottage Industry Contribution To The Tourism Industry Handicraft Product oleh MTACP (2017), Hasanah Gold Threads Awards (HSTA) kategori Ikat Tradisional Terbaik (2023), dan Anugerah Tokoh Kraf Negara (2024).



Ibrahim Deraman

KARYAWAN SENI KRAF TANGAN



LAHIR pada 21 Januari 1958 dan diberi nama Ibrahim bin Deraman. Beliau merupakan pengkarya dalam bidang seni kraf batik terap/blok yang berpengalaman selama 51 tahun. Beliau juga turut memegang amanah sebagai Ketua Ahli Jawatankuasa Pembatek Melayu Pantai Timur dari tahun 1980 dan sebagai Ahli Jawatankuasa Koperasi Serbaguna Pembatek Kelantan Berhad dari tahun 1980 sehingga kini.

Beliau yang mesra disapa sebagai Pok Him bergiat aktif dan sangat komited dalam mengembangkan dan memartabatkan seni kraf batik terap/blok melalui pelbagai aktiviti. Bakat dan pengalaman yang luas menjadikan beliau seorang pakar rujuk, tenaga pengajar dan panel jemputan dalam pelbagai aktiviti pembangunan ilmu berkaitan seni kraf batik terap/blok.

Pengiktirafan tertinggi yang diperolehi oleh beliau sehingga kini adalah sebagai Adiguru Kraf Batik Terap/Blok, Kraftangan Malaysia (2019). Selain itu, beliau pernah memenangi Johan Pertandingan Rekaan Batik sempena Karnival SDSA Kebangsaan (2015), Anugerah Tukang Ulung Tekstil Batik Blok, Kraftangan Malaysia (2015), dan Anugerah Khas kategori Set Alas Meja Pertandingan Rekaan Batik (2008).

Wong Kit Yaw



KARYAWAN SENI TARI

40 TAHUN berpengalaman dalam seni tari melayakkan beliau dikenali sebagai koreografer dan adiguru tarian Cina dengan sentuhan budaya Malaysia. Wong Kit Yaw merupakan pengasas kumpulan *The Performing Arts of Todern* dan sehingga kini masih bergiat secara aktif sebagai pensyarah/pendidik sambilan tarian Cina di Akademi Seni dan Budaya Warisan kebangsaan (ASWARA) dan Universiti Malaya, pengarah tari, koreografer, dan penyelia tarian secara bebas.

Beliau dikenali kerana kaedah pedagogi tarian Cina (pengajaran dan pembelajaran) dalam pengajarannya tentang tarian Cina kepada penggiat tarian pelbagai kaum di Malaysia. Ketokohan beliau sebagai seniman tari, koreografer dan guru tarian Cina telah diakui oleh peminat, penggiat seni, guru-guru, dan pakar tarian Cina di dalam dan luar negara menjadikan beliau sentiasa menjadi ahli panel dan juri pertandingan, bengkel serta seminar tarian Cina.

Kehebatan beliau dibuktikan melalui penganugerahan sebagai penggiat seni berbangsa Cina yang pertama menerima Anugerah Adiguru Tarian Cina dari ASWARA (2022) dan Artis Utama dalam pameran bergambar “2010 5th Merdeka Road to Nationwood Dance Malaysia Our Culture” dedikasi khas terhadap sumbangan beliau. Antara anugerah yang beliau terima adalah Anugerah Koreografer Terbaik dalam pertandingan di Hong Kong (2013), Koreografer Terbaik dalam pertandingan di Beijing, China (2019), Rekaan Kostum Terbaik di Bohn Cameronian Arts Award (2013), dan Koreografer Terbaik Bohn Cameronian Arts Award (2013).



Zaharah Abdul Hamid



KARYAWAN SENI TARI

ZAHARAH ABDUL HAMID merupakan satu-satunya pewaris penari Istana Kolam dan ahli Kumpulan Warisan Sari yang masih hidup. Beliau berpengalaman selama 54 tahun dalam bidang seni tarian gamelan sebagai tokoh, penggiat, pengajar dan penari. Pernah terlibat dalam pelbagai persembahan rasmi bersama Kumpulan Suktra di Malaysia, Hong Kong, Eropah, London, Milan, Paris, Amsterdam, dan Zurich.

Anak kelahiran Terengganu ini bergiat aktif sebagai jurulatih atau fasilitator Tarian Gamelan bagi program Festival Gamelan Sedunia pada tahun 2008, 2010, 2013, 2015, dan 2017 dan menjadi tenaga pengajar bagi bengkel dan program berkaitan tarian gamelan di institusi pendidikan seperti ASWARA, Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), sekolah, dan juga NGO dari tahun 1990 hingga kini. Kemahiran dan ilmu tarian gamelan oleh beliau berjaya diberikan kepada generasi muda sebagai langkah penyambung warisan dan menghidupkan semula seni warisan dan tradisional.

Jasa dan sumbangan beliau dihargai melalui penerimaan Anugerah Tokoh Gamelan Negeri Terengganu sempena Majlis Apresiasi Lambang Sari Gamelan Tradisional oleh Kerajaan Negeri Terengganu.

Zakaria Ariffin

KARYAWAN SENI LAKON (PEMENTASAN)



BAKAT beliau terlihat dalam bidang teater sebagai penulis skrip, pelakon dan pengarah teater yang terkenal serta diyakini kehebatannya sehingga kini. Zakaria Ariffin juga merupakan mantan pendidik, pensyarah dan Dekan Fakulti Penulisan Kreatif dan Fakulti Teater di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). Seni teater memberi ruang yang sangat besar kepada beliau sehingga layak memegang jawatan sebagai Ahli Kehormat Persatuan Teater Malaysia sejak tahun 2018 sehingga kini dan Mantan Presiden Majlis Teater Malaysia pada tahun 1995-1997.

Sebanyak 17 karya asli beliau telah dipentaskan dan ada juga yang masih belum dipentaskan. Selain itu, beliau turut mempunyai 13 naskhah buku perseorangan dan 15 naskhah karya bersama penulis lain. Karya penulisan beliau masih dijadikan rujukan dan pembelajaran sehingga kini oleh para pelajar, aktivis teater dan seluruh masyarakat di dalam dan luar negara. Beliau juga sering dijemput sebagai penceramah bengkel penulisan skrip dan teater di seluruh negara seperti Singapura dan Indonesia.

Pencapaian yang beliau berjaya perolehi ialah Hadiah Drama Esso-Gapena (1998/1989), Hadiah Sastera Malaysia (1988/1989), Anugerah Seri Angkasa RTM (1988/1989), Anugerah Video Dokumentari Terbaik (1994), dan S.E.A Write Award, Thailand (2001).



Datuk Hajah Fauziah Nawī

KARYAWAN SENI LAKON (PEMENTASAN)



TERKENAL sebagai pelakon yang hebat dan berbakat malah beliau juga berkemahiran sebagai pengarah dan penerbit teater yang aktif berkarya. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai tenaga pengajar Akademi Fantasia Musim Ke-2, Ke-4 dan Ke-6. Seorang peneraju dan tenaga pengajar di Stefani Events Sanggar Teater milik beliau yang berkembang dalam mengadakan bengkel lakonan untuk pelapis seni pementasan teater negara.

Datuk Hajah Fauziah Nawī turut menjadi penggiat teater yang aktif dalam mengadaptasi karya klasik dan sastera ke bentuk pementasan teater. Antara teater arahan beliau ialah Nona-Nona Kuala Lumpur, Primadona, Dari Bintang ke Bintang 1 & 2, Opera Ayu Cendana dan Muzikal Tok Rimau 1. Selain itu, beliau dikenali sebagai penggiat seni yang berani dan inovatif dalam menghasilkan karya dengan tema sosial dan sejarah yang lebih dekat dengan realiti masyarakat. Beliau kini menjadi tenaga pengajar secara bebas, juri dan jurulatih dalam pelbagai bengkel lakonan.

Beliau telah dikurniakan pingat Darjah Panglima Jasa Negara (PJN) yang membawa gelaran 'Datuk', manakala anugerah-anugerah lain yang pernah diterima adalah Anugerah Seri Mahkota Pahang, Anugerah Pingat Pangkuan Negara, Anugerah Pingat Pekerti Terpuji, Anugerah Pelakon Pembantu Terbaik Festival Filem Malaysia ke-12, dan Most Versatile Broadcaster RTM.

Datuk Mokhzani Ismail



KARYAWAN SENI MUZIK

DATUK MOKHZANI ISMAIL berkecimpung dalam seni muzik sebagai konduktor muzik, penggubah lagu dan mantan Pengarah Muzik di Orkestra RTM. Ketika beliau memimpin Orkestra RTM, orkestra tersebut memfokuskan pelbagai konsert kerajaan dan gala yang berprestij dalam program pertukaran ASEAN bersama Indonesia, Thailand, Australia, Vietnam, Singapura, Filipina, dan Brunei. Beliau telah berjaya dalam mengendalikan 76 pemuzik orkestra untuk Simfoni Putrajaya.

Antara pencapaian karya beliau yang membanggakan adalah mencipta lagu tema untuk Hari Kebangsaan sejak tahun 1994 hingga ke Cemerlang Gemilang Terbilang dan tema Satu Malaysia, lagu-lagu korporat dan jingle. Beliau juga merupakan tulang belakang Malam Simfoni Irama Malaysia 2006 dan mengendalikan konsert Jazz Tribute to Malaysia yang pertama seumpamanya di negara ini. Selain itu, beliau ialah pengasas MJAZZ Trio dan telah dibuat penjenamaan baharu iaitu Orkestra Jaz RTM. Menjadi pengajar dan penyelia muzik di pelbagai universiti dan kolej termasuk ASWARA, UiTM, UPSI serta mengendalikan bengkel di negara ASEAN.

Beliau menerima Darjah Kebesaran Panglima Jasa Negara (JPJN) yang membawa gelaran Datuk (2021) dan Gelaran Dato' dari Perlis dan Pahang (DPPJ-1999, DIMP-2001). Anugerah lain seperti Johan Setia Mahkota - JSM (2004) dan Kesatria Setia di Raja - KSD (1999), Tokoh Seni Perlis (2002) dan dilantik sebagai Profesor oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris dan memberi kuliah di UPSI, ASWARA dan UiTM.



Che Mat Jusoh



KARYAWAN SENI MUZIK

SEORANG adiguru muzik teater tradisional yang terkenal sebagai Che' Mat Raja Rebab. Beliau menguasai permainan muzik tradisi wayang kulit, makyung, gamelan, kompong, muzik asli, rebab, gendang dan tetawak, kompong, dan hadrah. Kemahiran beliau ialah membuat patung wayang kulit, rebab, serunai, membaiki alat permainan tradisional, dan penataan gamelan dan caklempung serta pernah berperanan sebagai Tuk Selampit dalam persembahan di Tokyo, Jepun pada tahun 2015.

Che Mat juga boleh dikatakan sebagai Maestro muzik tradisional Melayu khususnya makyung. Beliau dilahirkan pada tahun 1954 dan memulai kerjaya muziknya pada tahun 1969. Pada awalnya mendapat bimbingan muzik makyung dan wayang kulit daripada Ayub Ismail dan adiguru muzik tradisional Melayu. Tahun berikutnya beliau mula mengasah bakatnya di bawah pengawasan Raja Hassan Raja Ibrahim, seorang pemain rebab yang mendapat latihan dari Akademi Seni Tengku Temenggung. Dalam pentas makyung, beliau sempat berguru dengan Khatijah Awang dan Maimunah Umat, primadona makyung yang tersohor.

Dalam seni muzik teater tradisional ini beliau berjaya membuat perubahan terhadap sistem penjarian menggunakan nota muzik dan mencipta rebab baharu menggunakan kaedah baharu. Pengetahuan beliau diluaskan melalui jurulatih Kebudayaan di Universiti Sains Malaysia (1979-2003) dan kini dilantik secara kontrak di Pusat Pengajian Seni USM serta pernah mewakili negara hampir ke seluruh dunia antaranya Britain, Perancis, Kuwait, dan pelbagai negara lain.

Jasa dan sumbangan beliau dianugerahkan Pingat Jasa Masyarakat daripada TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang (2010), Anugerah Khas Gamelan Tradisional Melayu (2018) dari Kerajaan Negeri Terengganu, Anugerah Khas Adiguru (2019) daripada Tuanku Canselor Universiti Sains Malaysia, dan pelbagai anugerah lagi. Selain daripada menjadi adiguru muzik tradisional, beliau juga menulis makalah di majalah Pentas terbitan Istana Budaya sebagai kolumis. Antara jasa besar beliau kepada seni makyung ialah menghasilkan sebuah buku edisi mewah berjudul *Asyik Jentari Gambalan Dewa (MOTAC-Nusa Centre 2023)* yang mendokumentasikan persembahan makyung daripada lagu dengan notanya, aturan dan adab persembahan makyung, sejarah dan cerita makyung.

Calon-calon Anugerah Karyawan Seni



WONG HOY CHEONG
KARYAWAN
SENI VISUAL




CHOONG KAM KOW
KARYAWAN
SENI VISUAL



BANGIE ANAK EMBOL
KARYAWAN
SENI KRAF TANGAN



IBRAHIM DERAMAN
KARYAWAN
SENI KRAF TANGAN



WONG KIT YAW
KARYAWAN
SENI TARI



**ZAHARAH ABDUL
HAMID**
KARYAWAN
SENI TARI




ZAKARIA ARIFFIN
KARYAWAN
SENI LAKON
(PEMENTASAN)



**DATUK HAJAH FAUZIAH
NAWI**
KARYAWAN
SENI LAKON
(PEMENTASAN)



**DATUK MOKHZANI
ISMAIL**
KARYAWAN
SENI MUZIK



CHE MAT JUSOH
KARYAWAN
SENI MUZIK

Anugerah Pendukung Seni



ANUGERAH SENI NEGARA



Ke-9 2024



MEDIA

The Star

THE STAR

THE STAR merupakan akhbar harian Malaysia dalam bahasa Inggeris yang terkenal sebagai surat khabar bahasa Inggeris terbesar di Malaysia dari segi jumlah pembaca, iaitu kira-kira 290,000-300,000 pembaca, menurut Biro Audit Pengedaran, *The Star* iaitu ahli Asia News Network. *The Star* dilancarkan pada 23 Jun 1995 dan kini membekalkan berita di laman web pertama di Malaysia yang dikenali sebagai *The Star Online* dengan tujuan untuk sentiasa berusaha menyediakan pembaca dengan berita terkini, kandungan yang menarik dan pendapat yang berwawasan.

Berkembang mengikut zaman, kandungan tersebut termasuk berita semasa, perniagaan, sukan, komuniti, teknologi, gaya hidup, dan berita dunia, serta analisis pakar dan video dinamik. Laman web tersebut diiktiraf pada tahun 2014 sebagai salah satu yang terbaik di Asia oleh Persatuan Akhbar dan Penerbit Berita Sedunia (WAN-IFRA). Ia berfungsi sebagai asas komuniti dalam talian yang mempunyai sejuta pengikut yang kuat di Twitter dan Facebook. Sebagai teman digital kepada akhbar *The Star*, *The Star Online* adalah sebahagian daripada portfolio yang menawarkan kandungan melalui cetakan, *The Star ePaper* dan aplikasi mudah alih.

The Star dipakejkan sebagai akhbar 4 dalam 1, merangkumi *Main Paper*, *StarBiz*, *StarTwo*, dan *Star Metro*. *Main Paper* merangkumi berita tempatan dan antarabangsa terkini. *Starbiz* pula menawarkan liputan menyeluruh perkembangan dunia niaga, trend pasaran, laporan kewangan, dan kemas kini pasaran saham. *StarTwo* bercirikan rencana gaya hidup, hiburan, kesihatan, penjagaan anak, dan sebagainya manakala *Star Metro* pula memaparkan berita, hal ehwal dan kegiatan serantau.



MEDIA



BERNAMA

BERNAMA

BERNAMA atau Pertubuhan Berita Nasional Malaysia ialah sebuah pertubuhan badan berkanun yang dilancarkan pada 1968 di bawah Akta BERNAMA 1967 yang berada di bawah Kementerian Komunikasi Malaysia. Wisma pejabat terletak di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur, Malaysia. BERNAMA menawarkan perkhidmatan berita dalam pelbagai platform seperti BERNAMA TV, Bernama Radio dan media sosial. Ia membekalkan berita pelbagai bahasa termasuk Melayu, Inggeris, Mandarin, Tamil, Arab, dan Sepanyol. Agensi berita ini mempunyai rangkaian besar merentasi negara-negara ASEAN, Asia, Amerika Syarikat, dan Eropah untuk memberi pendedahan luas kepada penonton.

Objektif BERNAMA adalah sentiasa berusaha untuk mengumpul dan menyalurkan berita serta maklumat secara tepat, hampir, adil, dan seimbang. Secara spesifiknya, tepat merujuk kepada peristiwa dan aktiviti yang dilaporkan perlu tepat seperti yang berlaku. Hampir pula bertujuan berita harus disalurkan kepada pelanggan dan orang ramai secepat mungkin manakala adil dan seimbang merujuk kepada pelaporan yang adil dan seimbang untuk semua pihak.

BERNAMA menjadi agensi berita terkenal yang diiktiraf di peringkat antarabangsa yang memfokuskan pembentukan masyarakat berpengetahuan selaras dengan Malaysia Baharu, iaitu meningkatkan taraf kewartawanan di negara ini dengan menawarkan kerjaya yang mencabar dan bermanfaat serta menggunakan teknologi terkini dalam penyampaian perkhidmatan.

MEDIA



RADIO TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)

RADIO TELEVISYEN MALAYSIA secara rasmi disingkatkan sebagai (RTM) atau Jabatan Penyiaran Malaysia iaitu stesen penyiaran awam milik kerajaan Malaysia yang memiliki dan mengendalikan beberapa saluran radio dan saluran televisyen yang memulakan penyiaran berkedudukan dan berpusat di Kuala Lumpur, bandar raya terbesar dan ibu kota negara di Malaysia. Ia ditubuhkan pada 1 April 1946 di mana siaran radio (Radio Malaysia) telah diperkenalkan dan manakala siaran televisyen (Radio Televisyen Malaysia) diperkenalkan pada 28 Disember 1963, ia adalah penyiar pertama dan tertua di negara ini.

Radio Televisyen Malaysia memonopoli televisyen percuma ke udara dari 1984 dan radio dari 1989, apabila stesen televisyen dan radio swasta seperti TV3 dan Best FM mula beroperasi. RTM yang beribu pejabat di Angkasapuri, Kota Media, Kuala Lumpur mengendalikan enam saluran radio nasional, 16 saluran radio negeri, 12 saluran radio daerah, serta enam saluran televisyen. RTM juga mempunyai orkestra simfoninya sendiri iaitu Orkestra RTM. Pada 1 April 2024, RTM merayakan ulang tahunnya yang ke-78 dan Orkestra RTM merayakan ulang tahunnya yang ke-63. Moto utamanya ialah 'Teman Setia Anda'.

Sejak penubuhannya pada 1946, RTM telah memainkan peranan penting dalam budaya dan kehidupan Malaysia. RTM dan stesen TV dan radio di bawah naungannya ialah ahli Persatuan Penyiar Kebangsaan Malaysia (PENYIAR), sebuah NGO penyiaran.



MEDIA



SELAMAT PAGI MALAYSIA

SELAMAT PAGI MALAYSIA (SPM) merupakan sebuah rancangan televisyen bual bicara Malaysia. Ia diadakan pada setiap pagi yang dikendalikan oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) di RTM1 dan Berita RTM. Rancangan wawancara ini bersiaran sejak 1 Januari 1985 yang dahulunya disiarkan pada hujung minggu, terutamanya pada hari Jumaat dan Ahad. Namun ia bertukar waktu ke siaran pagi secara sepenuh masa hingga kini.

Rancangan ini memuatkan segmen ceramah utama, bual bicara yang melibatkan laporan langsung dari pelbagai lokasi di seluruh negara, membacakan laporan cuaca dari Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dan segmen beli-belah di rumah yang menyasarkan penonton Melayu terutamanya. Seterusnya, pada Februari 1993 RTM memperkenalkan dua segmen baharu untuk Selamat Pagi Malaysia, iaitu Hilang dan Tele Hijau. Namun rancangan tersebut telah diubah melalui rombakan besar dikenali sebagai Salam Mesra yang bersiaran setiap hari Ahad.

Secara umumnya, Selamat Pagi Malaysia membekalkan pelbagai input kepada masyarakat sama ada dalam bidang kebudayaan, sastera, bahasa, sains, teknologi, geografi, sejarah, dan sebagainya. Rancangan ini sentiasa membekalkan ilmu pengetahuan yang sahih, pelbagai dan terkini kepada penonton yang dikendalikan oleh pengacara yang hebat dan tetamu luar biasa.

KORPORAT



UOB

UOB dinilai sebagai salah satu bank terkemuka dunia, disenaraikan 'Aa1' oleh Moody's Investors Service dan 'AA-' oleh S&P Global dan Fitch Ratings. Dengan rangkaian global 500 cawangan dan pejabat di 19 negara di Asia Pasifik, Eropah dan Amerika Utara. Di Asia, beroperasi melalui ibu pejabat di Singapura dan anak syarikat perbankan di China, Indonesia, Malaysia, Thailand, dan Vietnam, serta cawangan dan pejabat di seluruh rantau Asia.

Sejak penubuhannya pada tahun 1935, jejak global UOB telah berkembang melalui kedua-dua pertumbuhan organik dan melalui beberapa siri perolehan strategik. Hari ini, UOB mempunyai kehadiran yang tiada tandingan di Asia Tenggara yang disokong oleh rangkaian global lebih daripada 500 pejabat.

UOB mempunyai francais serantau yang pelbagai membolehkannya memberi perkhidmatan kepada pelanggan daripada pengguna kepada syarikat multinasional yang besar dan untuk menangani keperluan rentas sempadan syarikat yang menjalankan perniagaan di rantau ini.



KORPORAT

COSTUME STORE & ENTERTAINMENT

CENTRESTAGE

VISION DYNAMIC

WEDDING USHERETTES STUDIO RENTAL DANCE PERFORMANCES



CENTRESTAGE VISION DYNAMIC

CENTRESTAGE VISION DYNAMIC adalah sebuah syarikat pembekal yang memfokuskan kostum, aksesori, solekan, alat muzik, dan peralatan persembahan seni pentas. Ia syarikat milikan tunggal yang diusahakan oleh Norashikin binti Abd Hamid sejak 9 November 2005. Taman Sri Rampai, Setapak, Kuala Lumpur merupakan lokasi penubuhan syarikat ini hingga kini. Secara spesifiknya, syarikat ini mengusahakan penjualan, penyewaan pakaian dan kelengkapan, alat solek wanita dan lelaki, alat muzik, khidmat pertunjukan pentas, pereka tari, reka cipta pakaian, dan andaman.

Pemilik mengupayakan syarikat ini dengan membantu pelbagai agensi yang memerlukan peralatan dan khidmat untuk penyediaan atau keperluan bagi sesuatu majlis atau acara. Perniagaan ini berkembang dengan maju dan mendapat permintaan tinggi daripada langganan kakitangan dari syarikat korporat, swasta, agensi kerajaan seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dan juga badan organisasi lain. Selain menyediakan keperluan acara seni pentas, syarikat ini juga menawarkan perkhidmatan penyediaan wardrobe untuk majlis-majlis keramaian dan juga rancangan televisyen. Organisasi ini mempunyai tulang belakang tetap seramai 10 orang pekerja, dua daripadanya berstatus Orang Kurang Upaya (OKU) dan enam orang pekerja separuh masa.

Di samping itu, syarikat ini memfokuskan permintaan pelanggan dalam menghasilkan sesuatu persembahan mengikut kriteria, tema dan idea yang ditetapkan serta meningkatkan taraf kualiti mutu busana yang disediakan. Syarikat ini turut memberikan kerjasama, bantuan, tajaan, dan komited dalam menyokong produksi Istana Budaya dalam bahagian kostum dan aksesori pementasan.

KORPORAT



SARAWAK ENERGY BERHAD

SARAWAK ENERGY BERHAD ialah sebuah syarikat pembangunan tenaga dan utiliti kuasa bersepadu secara menegak dengan visi untuk mencapai pertumbuhan dan kemakmuran yang mampan untuk Sarawak dengan memenuhi keperluan rantau ini untuk tenaga boleh diperbaharu serta berjaya membekalkan elektrik kepada 3 juta rakyat Sarawak di kawasan bandar dan luar bandar.

Dibina atas asas pengalaman 100 tahun, berperanan untuk menyediakan kuasa yang boleh dipercayai, selamat dan harga yang kompetitif. Tenaga ini kebanyakannya datang daripada sumber kuasa hidro Sarawak yang kaya, menjadikan bekalan tenaga tersebut mesra alam dan mampan. Sarawak Energy Berhad adalah pembekal elektrik utama di Sarawak, dengan pangkalan pengguna yang berkembang kira-kira 780,000 pemegang akaun di seluruh Sarawak dan tenaga kerja pelbagai disiplin yang semakin meningkat hampir 6,000 orang. Sarawak Energy ialah majikan terbesar bakat profesional Sarawak.

Sarawak Energy Berhad kini mengambil langkah berani untuk menyokong matlamat Sarawak untuk mencapai status maju menjelang 2030. Dalam memajukan agenda pertumbuhan yang mampan dan berterusan, pelan hala tuju strategi direka untuk menyatukan, melindungi dan mengoptimumkan nilai yang dicipta daripada transformasi utiliti tradisional menjadi rumah kuasa korporat dan utiliti digital masa depan dengan memberi tumpuan kepada kecemerlangan dalam operasi, Kesihatan, Keselamatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSSE), penyampaian projek, dan pengurusan bakat yang didayakan oleh budaya organisasi berprestasi tinggi.



KORPORAT



YAYASAN
KHAZANAH

YAYASAN HASANAH

YAYASAN HASANAH ialah sebuah yayasan milik Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) iaitu dana kekayaan berdaulat Malaysia. Hasanah wujud sebagai sebuah yayasan penganugerahan geran bebas pada 1 Julai 2015 yang merupakan kesinambungan kepada usaha Tanggungjawab Korporat (CR) yang sebelumnya dipacu oleh Khazanah untuk sembilan tahun. Hasanah bertujuan sebagai organisasi penganugerahan geran yang menjangkau lebih daripada wang ringgit untuk memudahkan ekosistem transformasi, bekerjasama dengan pihak berkepentingan, menanamkan semangat advokasi, dan membina kemampuan dalam lima bidang tumpuan utamanya iaitu Pendidikan, Pembangunan Komuniti, Alam Sekitar, Kesenian dan Ruang Awam, dan Pengetahuan.

Yayasan ini aktif membantu program menyemarakkan seni budaya dan warisan (Hasanah Special Grant, Arts For All Seasons dan Khazanah Scholarship) demi menggerakkan anjakan reformasi sosial dan masyarakat untuk rakyat Malaysia ke arah Malaysia yang lebih baik. Selain itu, syarikat ini turut membantu program Perantisan JKKN pada tahun 2017 hingga 2018 dengan tajaan dana berjumlah RM90,000.00.

Komitmen dan sokongan yang diberikan oleh Yayasan Hasanah melalui dana ini dalam membantu JKKN, NGO, syarikat seni, dan institusi pendidikan berasaskan pelaksanaan Teras 3, 4, 6, dan 7 iaitu Pemeliharaan dan Pemuliharaan Warisan Budaya, Pembangunan dan Pengembangan Budaya, Penjanaaan Ekonomi Kebudayaan, dan Kecemerlangan Budaya.

NGO



HAUS

HAUS KCH atau *HAUS* merupakan sebuah inisiatif yang diterajui oleh komuniti di City Square, Kuching. Matlamat agensi ini adalah untuk mewujudkan ruang yang bertenaga untuk acara kreatif dan usahawan tempatan. Komuniti ini beroperasi sebagai hab yang menganjurkan pelbagai acara fizikal dan maya seperti residensi, pameran dan bengkel untuk mempamerkan bakat tempatan dan acara yang melibatkan komuniti. Pertubuhan agensi ini kerap bekerjasama dengan pelbagai agensi termasuk seniman tempatan dalam objektifnya membantu usaha menyemarakkan seni budaya dan warisan termasuk seni visual.

Selain itu, *HAUS KCH* turut menjalankan kegiatan secara bekerjasama dengan komuniti tempatan seperti menyediakan ruang usahawan kreatif tempatan, pemuzik, pereka bentuk, dan penulis. Misi agensi ini adalah bertujuan memupuk dan menyokong pertumbuhan dan kesejahteraan industri kreatif di Kuching. *HAUS KCH* pernah bekerjasama dengan Geothe-Institut Malaysia untuk International Science Film Festival 2023, berkolaborasi bersama Sydney Atin from Ensera Creatives untuk melindungi dan menyemarakkan ekosistem di seluruh dunia serta pernah mengadakan pameran "On Stage of Being" di *HAUS KCH*.

Antara program seni yang berjaya dijalankan oleh *HAUS* ialah Festival Penghujung Minggu GlassHaus (2017-2018), Festival Audio Visual Colourway (2017), Bengkel Hak Kebijakan Seniman dengan British Council & Yayasan Sime Darby (2021), Program Residensi & Pameran Seni Maya K[otak]ku bersama CENDANA (2020-2021), Program Residensi Kreatif artHAUS (2020-2022), Pameran Seni dan Bengkel Seni Temu1 (2021), Siri Festival Penghujung Minggu Seni Kita-9 edisi (2022-2023), dan Jualan Buku.



NGO



PERSATUAN TEATER MALAYSIA

PERSATUAN TEATER MALAYSIA ditubuhkan dan didaftarkan oleh Encik Sakrani Shamsuddin di bawah Akta Pertubuhan 1966 semakan tahun 1987. Secara rasminya diluluskan pada 19 Disember 2012. Pengasas bagi Persatuan Teater Malaysia ini merupakan aktivis teater sejak tahun 1986 dan telah menempuh gelombang teater negara semenjak dari Kompleks Budaya Negara. Kemudian aktif hingga ke Rooftop Pasar Seni (Central Market) bersama aktivis teater Kamarul AS dari Kumpulan Seri Buana Teater Kuala Lumpur dan bersama mentornya Cik Normah Nordin AMN dari Center Stage Performing Arts serta Prof Madya Mohamad Najib Nor. Dari situlah dunia teater dan seni kraf pentas secara profesional bermula.

Teater Malaysia merupakan satu-satunya persatuan seni budaya yang mengangkat seni persembahan teater di Malaysia. Persatuan ini banyak mengadakan persembahan, pertandingan dan mengumpulkan penggiat-penggiat seni seperti lakon, tari dan sebagainya yang terlibat dalam kelangsungan teater Malaysia selaras tujuan penubuhannya untuk mengukuhkan tradisi budaya teater. Selain itu, Teater Malaysia juga berperanan sebagai badan perunding dan khidmat rasmi di negara ini dalam menyelaras, mengawasi, menasihati, dan memantau semua kegiatan teater samada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa dengan berteraskan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Antara matlamat lain persatuan ini ialah menyatukan individu-individu aktivis teater daripada pelbagai kaum, memberi sokongan, dorongan untuk memajukan dan menggalakkan perkembangan teater di Malaysia di samping menyemarakkan minat masyarakat terhadap seni teater melalui persembahan-persembahan teater termasuk program penggalakan, pendidikan dan membimbing masyarakat terutamanya generasi muda untuk menjadi aktivis teater.

NGO



THE TEMPLE OF FINE ARTS (TOFA)

THE Temple of Fine Arts (TOFA) merupakan sebuah pertubuhan atau kumpulan seni budaya yang terlibat dalam pelbagai program rasmi kerajaan melibatkan kehadiran ketua negara dan pemimpin dunia serta telah membantu kementerian dan kerajaan dalam mengadakan persembahan di luar negara bagi usaha mempromosikan kebudayaan dan pelancongan negara. Institusi ini merupakan salah satu institusi kebudayaan terulung yang dibuktikan melalui pengiktirafan dan sokongan daripada kerajaan seperti Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan.

TOFA dianggap sebagai rujukan utama budaya India yang telah berjaya mewujudkan persembahan untuk diraja, ketua negara, kerajaan dan syarikat-syarikat besar tempatan serta antarabangsa melalui konsert seperti Sidang Kemuncak APEC pada November 1998, Festival Kebudayaan Komawel KL98, pembukaan Istana Budaya pada November 1999, dan acara-acara penting lain seperti Sambutan Merdeka, Konsert Diraja Malaysia, Tahun Melawat Malaysia, Ekstravaganza Budaya Tahunan Citrawarna, Konsert Hari Wilayah, Festival Kesenian Rakyat, Budi Bahasa, Budaya Kita, dan lain-lain.

Institusi ini turut menawarkan pendidikan seni dalam pelbagai genre dan mempunyai lebih daripada 30 pelajar yang mendapat asuhan TOFA telah berjaya memperoleh ijazah dalam seni persembahan di luar negara. TOFA terletak di Brickfields, Kuala Lumpur yang menempatkan auditorium, studio tarian dan muzik, bilik kuliah, perpustakaan, dan studio rakaman yang memenuhi keperluan artistik dan kreatif institusi tersebut.

Anugerah
Khas
Biduan
Negara
2024



ANUGERAH SENI NEGARA



Ke-9 2024



ANUGERAH BIDUAN NEGARA 2024

Dato' Sri Siti Nurhaliza Tarudin

INSAN hebat yang digelar “Penyanyi nombor satu di Malaysia” ini amat membanggakan negara dengan karya dan sumbangan besar tanpa henti. Dato' Sri Siti Nurhaliza berada dalam bidang seni suara sejak berusia 16 tahun selepas memenangi pertandingan nyanyian Bintang HMI anjuran Radio Televisyen Malaysia (RTM) pada 1 April 1995. Beliau ditawarkan empat tawaran kontrak rakaman dari syarikat rakaman antarabangsa sebelum dilamar oleh Suria Records selepas tamat program nyanyian tersebut. “Jerat Percintaan” merupakan single sulung beliau yang berjaya menjuarai Anugerah Juara Lagu ke-11 dan menerima dua anugerah lain iaitu kategori Persembahan Terbaik dan Lagu Balada Terbaik.

Penglibatan Dato' Sri Siti Nurhaliza dalam bidang muzik ini berkembang dengan luas dan hebat sehingga kini dan masih relevan dengan karya-karyanya yang didengari oleh seluruh lapisan masyarakat di dalam dan luar negara. Keunggulan beliau di persada seni telah menempa nama di industri muzik Malaysia sehingga mendapat gelaran seperti Ratu Pop Malaysia, Diva Asia dan Ratu Pop Asia oleh peminat muzik di seluruh dunia. Pengalaman luas dalam kerjaya seni melayakkan beliau memenangi pelbagai anugerah dan pernah digelar sebagai Voice of Asia selepas memenangi Grand Prix Champion di Kazakhstan pada tahun 2002.

Antara anugerah lain yang beliau terima ialah Anugerah Emas Pertandingan Penyanyi Baharu Asia di Shanghai Asia Music Festival yang diadakan di Shanghai, China (1999), Anugerah Persembahan Vokal Terbaik Wanita, Pemenang Top 40 Kategori Lagu International di South Pacific International Song and Singing Competition yang diadakan di Gold Coast, Queensland, Australia, 43 Anugerah Industri Muzik, 2 Anugerah Bintang Popular, 28 Anugerah Planet Muzik, 20 Anugerah Juara Lagu, 4 Anugerah MTV Asia, 3 Anugerah Muzik Dunia, 2 Anugerah Muzik Indonesia, 2 Anugerah Muzik Singapura, dan pemenang bagi 2 rekod di dalam Malaysia Book of Records.

Sehingga kini kehebatan beliau sukar ditandingi dan cukup disegani serta menjadi idola kepada generasi muda baik dalam bidang seni mahupun kehidupan beliau sebagai usahawan yang berjaya.

Penerima
ANUGERAH SENI NEGARA
ANUGERAH SENI NEGARA

Tahun Pertama
Hingga ke-8
(1993-2009)



ANUGERAH SENI NEGARA



Ke-9 2024



ANUGERAH SENIMAN NEGARA
PERTAMA 1993



HAMZAH AWANG AMAT

TOKOH WAYANG KULIT

HAMZAH AWANG AMAT merupakan penerima pertama Anugerah Seniman Negara pada 1993 yang berpengalaman dalam bidang seni wayang kulit. Beliau dikenali sebagai Pak Dalang Hamzah yang lahir pada tahun 1940 di Kampung Kebakat, Tumpat, Kelantan. Pada usianya belasan tahun, beliau sudah berjinak-jinak dalam seni wayang kulit atas dorongan ayahandanya iaitu Awang Amat yang merupakan Tok Dalang terkenal di Kelantan. Pada awal beliau dalam bidang ini bermula dengan serius sebagai pemuzik semasa mengikuti rombongan Tok Dalang Omar Yunus pada 1959.

Pengalaman beliau berkembang apabila mengetuai kumpulan muzik tradisional Kumpulan Sri Setia dan mulai mengadakan persembahan awam. Allahyarham mengembangkan kumpulan tersebut menjadi rombongan wayang kulit. Kemudian, meneruskan kajian berkaitan penceritaan wayang kulit, yang dikatakan mengandungi intipati seni, di bawah bimbingan Awang Lah Pandak iaitu seorang dalang yang terlibat dalam menyebarkan tradisi Kelantan. Kehebatan beliau juga ditonjolkan melalui bakat sebagai dalang dan penerbit.

Allahyarham mula mengadakan persembahan sejak 1956 hingga 1959 di Terengganu, Pahang, Pulau Pinang, dan Kuala Lumpur. Seterusnya, persembahan di Universiti Malaya anjuran Muzium Negara (1969). Persembahan lain aktif di 10 buah negara dan 31 buah bandar utama di Eropah dan Afrika sempena anjuran Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Budaya Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO). Kemudian, beliau dianugerahi Pingat Pangkuan Negara (PPN) oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Muazam Shah Ibni Almarhum Sultan Badli Shah. Antara anugerah lain yang dipangku beliau ialah Anugerah Pingat Bakhti daripada Sultan Kelantan (1978), Pingat Pangkuan Negara kurniaan DYMM Sultan Azlan Shah (1989), Artist Award daripada Kerajaan Pakistan (1994), dan Pingat Ahli Mangku Negara kurniaan DYMM Sultan Ja'afar ASEAN Award for Culture and Information daripada Kerajaan Indonesia.

ANUGERAH SENIMAN NEGARA
KE-2 1995**DATUK SYED AHMAD SYED JAMAL****TOKOH SENI VISUAL**

ANAK jati Johor ini dilahirkan pada 19 September 1929 di Bandar Maharani, Muar. Seniman Negara Syed Ahmad Syed Jamal mendapat pendidikan di Sekolah Tambatan Rendah (1936-1938), Sekolah Tambatan Tinggi (1939), Ngee Heng English School (1940), Bukit Zahrah English School dan English College, Johor Bahru sehingga 1949. Seterusnya melanjutkan pelajaran di Birmingham School of Architecture (1950) sebelum mengikuti pelajaran seni di Chelsea School of Art, London (1951-1955). Kemudian, beliau menerima biasiswa United States Department untuk menyambung pelajaran di School of Art Chicago, Amerika Syarikat (1963) dan berjaya memperoleh biasiswa East-West Centre untuk meneruskan pelajaran ke peringkat sarjana di University of Hawaii (1973).

Datuk Syed Ahmad Jamal terkenal sebagai seorang artis, pengukir, pentadbir, pereka, kurator, dan pengarang. Beliau telah diberi penghormatan dengan Retrospektif oleh Galeri Seni Negara (NAG) pada tahun 2009 yang dinamakan Syed Ahmad Jamal: Pelukis, selepas Retrospektif 1975 dan diberi pameran Gambaran Keseluruhan Sejarah (1954-1994) di Galeri Seni Nanyang, Kuala Lumpur (1994-1995). Beliau dilantik sebagai “Artis Negara” (1995), dan dianugerahkan Panglima Jasa Negara, yang membawa gelaran “Datuk” (1996). Pengalaman luas melayakkan beliau dilantik sebagai Pengarah Pusat Kebudayaan Asia di Universiti Malaya, KL (1979-1983), Galeri Seni Negara (1981-1991) dan menjadi tenaga pengajar di Institut Latihan Guru Pakar di Kuala Lumpur (1961-1972).

Antara anugerah yang diperoleh beliau ialah Sultan Ibrahim Scholarship (1950), Indian Council for Cultural Relations (1962), United State Department Award (1963-1964), Ahli Mangku Negara (1969), Alliance Francaise Medallion (1970), East-West Centre Award (1973), Kesatria Mangku Negara (1983), Australia Cultural Award (1984), Cultural Award (Visual Art) (1987), Anugerah Seni Negara (1995), Panglima Jasa Negara (1996), Doktor (Kepujian) Pendidikan Seni, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) (2005), dan Pelukis Tamu, Balai Seni Visual Negara, Kuala Lumpur (2008-2009).

ANUGERAH SENIMAN NEGARA
KE-3 1997



HAJI WAN SU WAN OTHMAN

TOKOH SENI TAMPAK (UKIR)

PADA awalnya, beliau membuat kerja-kerja tangan seperti replika perahu layar, wayang kulit dan wau cantik. Seniman Negara Wan Su Wan Othman menunjukkan ketokohnya dalam seni ukir sehingga hasil karya beliau mendapat sambutan dalam kalangan peminat seni bukan sahaja di Malaysia malah sehingga England, Kanada dan Australia dan sering memenangi pertandingan yang disertainya. Beliau kemudiannya menubuhkan Bengkel Seni Ukir Wan Su di Kg. Alur Lintang pada tahun 1965. Bakat seni ukir ini diwarisi oleh beliau daripada datuk saudaranya Nik Ismail, seorang pengukir di istana Pattani.

Antara hasil kerja beliau dalam seni ukir ialah pembuatan Pintu Utama Muzium Negara, Dewan Santapan Istana Selangor, Mimbar Masjid Kg. Alur Lintang, Besut, Pintu Besar Istana Badariah di Kuala Terengganu, Pentas Persada Istana Maziah di Kuala Terengganu serta Pintu dan Pentas Santapan Istana Abu Bakar, Pekan, Pahang. Sumbangan dan ilham yang diberikan oleh beliau sangat besar dan meninggalkan impak yang membanggakan negara.

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (1988) telah menganugerahkan Tokoh Adiguru Kraf bidang seni ukiran kayu kepada Wan Su sebagai penghargaan dan menghargai bakat serta hasil beliau dalam memartabatkan seni warisan Melayu. Beliau turut menerima penghargaan Tokoh Budaya ASEAN di Brunei pada tahun 1993.



ANUGERAH SENIMAN NEGARA KE-4 1999



KHATIJA AWANG

TOKOH MAKYUNG

KHATIJA AWANG atau lebih dikenali dengan panggilan mesra 'Mak Jah' merupakan primadona Makyung yang dilahirkan pada tahun 1941 di Lubuk Kawah, Pasir Mas, Kelantan. Beliau berketurunan campuran Siam dan Melayu dan dilahirkan dalam keluarga seni yang menjalankan kegiatan persembahan Makyung. Mula melibatkan diri dalam persembahan Makyung sejak dari usia 14 tahun dan hampir 39 tahun beliau mengabdikan diri dalam seni teater tradisional Makyung.

Penglibatannya dalam bidang seni bukan sahaja terhad kepada Makyung, malah beliau juga menguasai pelbagai cabang seni seperti seni lakon, seni tari dan seni suara, dan pereka pakaian bagi seni persembahan Makyung. Kesemua pakaian yang digunakan untuk persembahan kumpulan Makyungnya adalah rekaan dan jahitan beliau sendiri. Dalam mereka cipta pakaian Makyung, beliau lebih gemar menggabungkan unsur 73 unsur tradisional dan kontemporari dari segi rekaan dan penggunaan bahan fabrik. Selain itu, beliau juga turut bertindak sebagai pereka tari. Kemahiran tersebut adalah sejajar dengan profesionnya sebagai penari. Lebih dari 20 buah tarian yang boleh berdiri sendiri sebagai satu siri persembahan telah dicipta oleh beliau.

Sepanjang penglibatan Khatijah dalam Makyung, beliau pernah menjadi jurulatih tarian tradisional Kelantan kepada para penari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika menetap di Kuala Lumpur. Selain itu, beliau bersama kumpulannya telah mengadakan persembahan di merata tempat sama ada di dalam atau di luar negara, di antaranya persembahan 'Makyung Indera Dewa, Dewa Indera' di Bonn, Jerman pada tahun 80-an, 'Mak Yong Z' di Indonesia pada tahun 1971 dan 'Anak Raja Setangkai Hati' di Singapura (1977). Beliau juga mengadakan persembahan di seluruh negara sejak tahun 1970 sehingga penghujung hayatnya. Pada Ogos 1995 beliau telah dijemput oleh pihak Teater Kami Singapura untuk mengadakan persembahan Makyung bagi mengiringi persembahan teater yang bertajuk 'The Last Mak Yong'. Pada tahun 1996, beliau telah sekali lagi dijemput untuk mengadakan pertunjukan 'Anak Raja Gondang' di Singapura oleh pihak 48 Teater Kami Singapura. Sumbangan beliau yang begitu meluas dalam seni persembahan teater tradisi, telah membolehkannya dianugerahkan beberapa pingat seperti PPN (1976), AK (1988) dan PB (1972). Pengiktirafan kepada sumbangan dan usaha beliau dalam bidang kesenian bukan sahaja datang dari dalam negeri tetapi juga dari luar negara. Ini terbukti apabila beliau dikurniakan "Asean Awards On Culture Communication and Literary Works" dalam bidang seni.

ANUGERAH SENIMAN NEGARA
KE-5 2002



DATUK SYED ALWI SYED HASSAN

TOKOH SENI LAKON (TEATER)

DATUK SYED ALWI SYED HASSAN merupakan Tokoh Seniman Negara Malaysia yang dianugerahkan pada 2002 melalui ASN atas sumbangan dan kebijaksanaannya dalam mengembangkan seni teater tanah air. Beliau dilahirkan di Taiping, Perak, Malaysia. Syed Alwi bersekolah di Sekolah Melayu Pondok Tanjung dan Sekolah Taiping. Seterusnya melanjutkan pelajaran di University of Minnesota, Amerika Syarikat dalam bidang teater dan kewartawanan serta merupakan anak Melayu pertama yang melanjutkan pelajaran ke luar negara dalam bidang teater. Syed Alwi menerima Hadiah Pelajaran Tabung John D. Rockefeller III untuk mengkaji perkembangan teater dan filem semasa di Amerika pada bulan April hingga Jun 1980.

Syed Alwi pernah bertugas dengan RTM, TV3 dan NTV7 sebagai pengurus, penerbit, pelakon, penulis, dan pengarah selain pernah bertugas dengan Filem Negara, Panggung Negara, Akademi Seni Warisan dan Budaya (ASWARA), Universiti Malaya dan Pejabat Penerangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Beliau dianggap sebagai tokoh terkemuka yang mengangkat martabat teater tanah air daripada corak purbarwara dan bangsawan kepada corak yang lebih bersifat kontemporari. Beliau semakin terkenal kerana teater dua zamannya iaitu zaman penjajahan serta zaman kemerdekaan dan banyak menghasilkan karya yang mantap serta mempunyai impak khususnya dalam memperkatakan isu-isu berhubung bangsa Melayu.

Antara hasil karya beliau ialah Drama *Alang Retak Seribu* (1973), *Tok Perak* (1974) dan dua drama berbahasa Inggeris “*I Remember The Rest House*” (1992) dan “*Member of The Club*” (1994). Selain itu, beliau pernah mengarah dan berlakon dalam beberapa pementasan teater terkenal seperti *Midsummer Nights* (Starveling), *Androcles and the Lion* (Slave) dan *Henry V* (Duke of Bedford) sehingga 1953. Beliau juga merupakan pengasas Kumpulan Teater Seni Malaya (*Malayan Art Theater Group*) pada tahun 1951.



ANUGERAH SENIMAN NEGARA KE-6 2004



HAJI ABDUL RAHMAN ABU BAKAR

TOKOH TEATER BANGSAWAN

RAHMAN B yang dilahirkan pada 18 Mei 1935 di Kapar, Klang adalah anak kepada pasangan pelakon terkenal bangsawan, Abu Bakar Saleh atau Bakar M dan ibunya, Kasminah Taib atau dikenali sebagai Minah B. Sejak kecil lagi Rahman dan adiknya, Rohani B didedahkan dengan dunia bangsawan kerana mengikut orang tuanya berpindah dari satu lokasi ke lokasi lain untuk pementasan teater bangsawan. Seniman Negara keenam iaitu Abdul Rahman Bakar atau dikenali sebagai Rahman B mengangkat kisah kesultanan Melayu, pahlawan, anak derhaka dan sebagainya dalam pementasan teater beliau. Walaupun bangsawan menghadapi kejatuhan dan zaman gelap berpunca akibat kemunculan filem pada dekad 1950-an, beliau tetap meneruskan semangatnya dengan mementaskan bangsawan. Namun pada 1953, beliau telah berhijrah ke Singapura dan sempat berlakon filem antaranya Amuk Tok Nading, Kancan Tirana, Harimau Berantai, dan Semambu Kuning.

Persatuan Bangsawan Bintang Timur merupakan usaha beliau dalam meneruskan perjuangannya dalam pementasan bangsawan yang dibentuk pada 1974 dan melalui persatuan tersebut, beliau berjaya menerbitkan lima drama untuk siaran RTM, iaitu Si Bongkok Tanjung Puteri, Meniti Ke Neraka, Istana Iman, Megat Panji Alam, dan Buluh Rencung. Perjuangan beliau terus berkembang dan terbabit dalam ratusan pementasan bangsawan dan berjaya mengarah lebih 200 bangsawan, antaranya Raja Laksamana Bentan, Putri Patmawati, Alang Buana, Menjunjung Dulu, dan Shamsir Alam.

Berpandukan kepada pengalamannya yang luas dalam pementasan bangsawan, Rahman pernah dilantik sebagai pensyarah di Akademi Seni Warisan Kebangsaan (ASWARA) untuk mencungkil bakat baharu dalam pementasan bangsawan. Atas jasanya memperjuangkan pementasan bangsawan juga, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) menobatkan beliau sebagai penerima Anugerah Seniman Negara (ASN) pada 2004 yang juga penerima keenam anugerah itu.

ANUGERAH SENIMAN NEGARA
KE-7 2006



**DATUK DR. AHMAD KHAN NAWAB
KHAN (AHMAD NAWAB)**

TOKOH MUZIK

AHMAD NAWAB pada asalnya diberi nama *Abdullah Khan* tetapi disebabkan sering jatuh sakit, nama beliau telah diubah kepada *Ahmad*. Beliau dilahirkan di Pulau Pinang pada tahun 1933 dan merupakan anak kepada *Nawab Khan*, seorang warga Pakistan yang bekerja sebagai pemuzik dalam angkatan tentera British di Lahore. Seorang yang berbakat dalam seni muzik kerana mendapat pengaruh daripada bapanya, *Nawab Khan*. Beliau mendapatkan pelajaran peringkat sekolah rendah di Sekolah Rendah Francis Light Pulau Pinang, yang pada waktu yang sama turut dihadiri oleh pemuzik hebat lain seperti P. Ramlee dan Ahmad Daud. Di samping itu, dengan tekun, Ahmad Nawab belajar untuk meniup alat muzik tiupan wind instruments daripada ayahnya, seorang pemain klarinet yang pernah terlibat dalam kumpulan bangsawan bergerak bernama *Bangsawan Tijah Opera*.

Lama-kelamaan beliau mula bermain untuk pancaragam seperti *Pancaragam Bayangan Bandung* dan *Pancaragam Bandaraya Pulau Pinang (Penang Municipal Band)*. Ahmad Nawab turut bermain muzik di pusat-pusat hiburan iaitu kabaret seperti *Wembley Park*. Beliaulah yang bertanggungjawab memperkenalkan alat muzik tiupan wind instruments kepada pancaragam-pancaragam tersebut sambil menggalakkan pemain-pemain lain bagi menggabungkan rentak barat yang lebih moden seperti *Samba* dan *Tango* dalam persembahan muzik mereka.

Sekitar 1970-an, Ahmad Nawab mulai mengasah kemahiran penyanyi-penyanyi yang sehingga kini masih terkenal seperti *Salamiah Hassan*, *Uji Rashid*, *Sharifah Aini*, adik-beradik *Khadijah* dan *Latiff Ibrahim*, *Jamal Abdillah* dan *Datuk Shake*, dan akhirnya *Ramlah Ram* pada tahun 1980-an. Pada tahun 1988, *Ramlah Ram* menjadi artis Melayu pertama yang dianugerahkan dengan *Anugerah Double Platinum Disc Award* kerana jualan cakera padat yang melebihi 450,000 keping hasil dari album *Kau Kunci Cintaku (Dalam Hati Mu)* yang diterbitkan oleh Ahmad Nawab sepanjang kariernya dan telah menggubah lebih daripada 2,000 lagu yang dinyanyikan oleh penyanyi tempatan dan antarabangsa. Beliau telah terlibat dalam menghasilkan lebih dari 150 album dan *Malaysia Truly Asia* khususnya telah direkodkan antaranya di *Indonesia*, *Filipina*, *Singapura*, *Thailand*, *Taiwan*, dan *Hong Kong*.



ANUGERAH SENIMAN NEGARA KE-8 2009

SENATOR TAN SRI DATUK DR. JINS SHAMSUDIN

TOKOH SENI LAKON DAN PERFILEMAN

JINS SHAMSUDIN merupakan penerima ke-8 Anugerah Seniman Negara pada 2009 atas ketokohan dan kepakarannya dalam bidang filem. Beliau merupakan seorang pelakon, penggiat seni, pengarah filem serta senator Malaysia dan beliau telah berjaya menjadi seorang pelakon yang terkenal sejak tahun 50-an atas bimbingan Tan Sri P. Ramlee. Nama beliau kini terpahat sebagai legenda yang gigih menyumbangkan usaha dan tenaganya dalam pembangunan industri filem Melayu sepanjang hayatnya. Salah satu filemnya merupakan filem termahal pada era 80-an menyebabkan beliau mendapat gelaran “ONE MILLION DOLLAR MAN”.

Pembabitan dalam bidang seni bermula apabila menjalani uji bakat yang diadakan oleh P. Ramlee, di mana beliau diterima sebagai pelakon tambahan. Bermula sebagai pelakon tambahan, beliau sedikit demi sedikit menimba pengetahuan daripada P. Ramlee. Jins mula melibatkan diri dalam lebih kurang 40 filem hitam putih. Beliau menjadi lebih terkenal selepas diberi peranan sebagai pelakon utama dalam filem arahan P. Ramlee, *Pancha Delima* dan sebagai ejen perisik Jefri Zain dalam siri filem Hong Kong ala filem Hollywood, *James Bond*. Jins meneruskan kariernya untuk lebih terkenal selepas beliau menjadi pelakon dan pengarah filem pertama dan kedua iaitu *Bukan Salah Ibu Mengandung* dan *Di Belakang Tabir*.

Banyak anugerah yang diterima oleh beliau antaranya Pesta Filem Asia ke-26 di Bali, Indonesia (1980), Anugerah Mitra bagi Tema Terbaik yang menganjurkan perpaduan kaum melalui filem “Esoh Masih Ada”, tujuh anugerah dalam Festival Filem Malaysia Ketiga untuk filem peperangan, “Bukit Kepong” (1981), Pesta Filem Malaysia ke-6 (1986), kategori khas “Anugerah P. Ramlee”, “Silver Crane Award” dalam Festival Filem Asia Pasifik (1987), Pingat Darjah Datuk Paduka Mahkota Perak (DMPMP) yang membawa gelaran ‘Datuk’ oleh Paduka Seri Sultan Perak (1990), dan Kesatria Mangku Negara (KMN) daripada Yang di-Pertuan Agong (1990).

Umbaran

ANUGERAH SENI NEGARA



Tahun Pertama Hingga Ke-9
(1993-2024)





Di Sebalik Tabir

BERSAMA CALON-CALON ASN KE-9, 2024





KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA

Urus Setia Induk ASN 2024
Bahagian Dasar Kebudayaan
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

Tel: 03-8000 8000 (Talian Am) Faks: 03-8891 7460
Laman Web: www.motac.gov.my

ISBN 978-967-19607-1-4



9 789671 960714